

08 FEB 1999

DPMM SOKONG PENUH KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyifatkan laungan segelintir rakyat yang mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan sebagai membelakangi amalan demokrasi.

Timbalan Presiden DPMM Datuk Abdul Rahman Maidin hari ini berkata desakan itu menggambarkan segelintir rakyat yang tidak memahami atau sengaja membelakangi amalan demokrasi kerana tujuan yang sempit.

"Golongan segelintir yang bertindak negatif itu tidak berhak mewakili golongan senyap yang ramai, yang cintakan pemimpin serta negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abdul Rahman berkata Dr Mahathir telah membuktikan bahawa beliau berjaya menyelamatkan negara daripada terjerumus ke kancah kehancuran berikutan ledakan kegawatan ekonomi sejak Julai 1997.

"Bagi mengangkat kembali kemuncak kecemerlangan negara, Malaysia tetap memerlukan kepimpinan Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

MS AHH AKD